



**HARIS EMBONG (kiri)** bersama Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Korporat Perbadanan Putrajaya, **Datuk Rogazait Abdullah (tengah)** dan Naib Presiden Jabatan Landskap dan Taman Perbadanan Putrajaya, **Baharussin Aziz** menunjukkan baja berjenama Floria yang dijual semasa Floria Diraja Putrajaya 2015 di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya, semalam.

## Putrajaya Floria Sdn. Bhd. perkenal 4 baja tanaman

**PUTRAJAYA 3 Jun** – Bersempena Floria Diraja Putrajaya 2015, Putrajaya Floria Sdn. Bhd. (PFSB) buat julung kalinya memperkenalkan empat produk baja tanaman yang diformulakan oleh anak tempatan.

Pengurus Kanan PFSB, Haris Embong berkata, empat baja tanaman itu yang diusahakan dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) bakal dipasarkan di seluruh negara dalam masa terdekat pada harga berpatutan.

Ujarnya, mengeluarkan dan memasarkan produk tanaman merupakan inisiatif baharu PFSB, selain menganjurkan Floria Diraja Putrajaya yang telah berlangsung sejak 2007.

“Oleh itu, kita mengambil kesempatan ketika berlangsungnya Floria Diraja Putrajaya 2015 untuk memperkenalkan empat produk baharu ini.

“Sebenarnya banyak produk lain akan dipasarkan pada masa depan,



**Sebenarnya banyak produk lain akan dipasarkan pada masa depan tetapi untuk permulaan, kita perkenalkan empat baja tanaman ini terlebih dahulu.”**

**HARIS EMBONG**  
Pengurus Kanan PFSB

tetapi untuk permulaan, kita perkenalkan empat baja tanaman ini terlebih dahulu,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Haris memberitahu, empat produk baja tanaman itu ialah Floria Grow, Floria CRF, Floria Emas dan Floria Compost yang berfungsi menyuburkan tanaman, memban-

tu tumbesaran produk pertanian dengan lebih pantas dan meningkatkan kualiti hasil tanaman.

Ujarnya, baja itu mempunyai ciri-ciri istimewa, antaranya mesra alam, kalis hujan dan sesuai untuk pelbagai tanaman.

“Kesemua produk ini dihasilkan dengan menggunakan bahan semula jadi yang dijamin selamat bagi meningkatkan kualiti tanaman.

“Paling penting kesemua produk ini mesra alam dan tidak mencemarkan alam sekitar,” katanya.

Festival Floria Diraja Putrajaya 2015 yang membawakan bunga lili sebagai tema pilihan telah membuka tirainya bermula 30 Mei lalu dan akan berakhir Ahad ini di Anjung Floria, Presint 4 di sini.

Acara tahunan itu mencipta rekod kerana membabitkan penyer-taan lebih 50 pereka bentuk taman dan penyusun bunga antarabangsa dari 28 negara yang mempamerkan hasil kreatif mereka.